

UM 10 JAN 2002 Dr. Mahathir bincang isu keganasan dengan Koizumi

PUTKAJAYA 9 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan membincangkan isu keganasan dan beberapa isu dua hala lain dengan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi dalam pertemuan empat mata esok.

Perdana Menteri berkata, beliau juga akan membincangkan isu-isu ekonomi dan fokus terhadap pendidikan dan sumber manusia seperti yang diketengahkan oleh forum ASEAN + 3.

“Ya, kita mahu bercajak mengenai perkara itu (pendidikan dan sumber manusia) tetapi tidak banyak kerana tidak ada masa,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Aidilfitri Kementerian Dalam Negeri di sini hari ini.

Koizumi dijadualkan tiba di sini esok untuk lawatan rasmi sehari sebagai sebahagian daripada lawatannya ke beberapa negara ASEAN.

Dalam lawatannya yang pertama sejak terpilih menjadi Perdana Menteri Jun lalu, Koizumi turut dijadualkan melawat Filipina, Thailand, Indonesia dan Singapura.

Mengenai peletakan jawatan Datuk N. Parameswaran dari Transisi Pentadbiran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Untaet) di Timor Timur dan tuduhannya bahawa berlaku diskriminasi kaum dalam agensi itu, Dr. Mahathir berkata, beliau perlu meneliti dahulu dakwaan tersebut.

Semalam, Parameswaran dilaporkan meletakkan jawatan serta mendakwa melakukannya akibat campur tangan pihak atasan dan dasar penguasaan oleh orang ‘berkulit putih’ di Untaet.